# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Chukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2)1971**

**DR.53/1971**

# RANG UNDANG[2]

*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Akta Chukai Pendapatan Tambahan, 1967.

[ ]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG[2] oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

**1.** Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Chukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2), 1971, dan hendak-lah berkuat-kuasa bagi tahun taksiran 1971 dan tahun[2] taksiran yang kemudian. Tajok ringkas dan mula berkuat-kuasa.

**2.** Akta Chukai Pendapatan Tambahan, 1967 ada-lah dengan ini di-pinda dengan— Pindaan. *46/67.*

(*a*) memasokkan perkataan "or a trade association as defined in section 53 of the principal Act" sa-lepas sahaja perkataan "individual" yang terdapat dalam sekshen 16 (1) (*a*) (ii);

(*b*) menggantikan perkataan "two thousand" di-mana[2] jua ia terdapat dalam sharat (i) dan (ii) kapada sekshen 16 (1) (*b*) dengan perkataan "three thousand"; dan

(*c*) menggantikan perkataan "one thousand" di-mana[2] jua ia terdapat dalam sharat (i) dan (ii) kapada sekshen 16 (1) (*c*) dengan perkataan "two thousand".

---

## HURAIAN

Tujuan Rang Undang[2] ini ia-lah untok meminda Akta Chukai Pendapatan Tambahan, 1967 supaya had pengechualian bagi chukai pembangunan di-tambah daripada $2,000 kapada $3,000 sa-tahun bagi orang persaorangan yang tidak mempunyaï puncha pembangunan

D. R. No. 53 71

perkongsian; dan juga supaya had pengechualian bagi chukai pembangunan di-tambah daripada $1,000 kapada $2,000 sa-tahun bagi orang persaorangan yang mempunyaï puncha pembangunan perkongsian.

2. Pindaan ada-lah juga di-chadangkan untok menghapuskan chukai pembangunan minima $100 yang di-kenakan ka-atas sa-suatu persatuan perdagangan. Sa-suatu persatuan perdagangan akan di-kenakan hanya chukai pembangunan mengikut kadar standad sa-banyak lima peratus sahaja atas tiap2 sa-ringgit pendapatan pembangunan.

[PN. (U2) 204.]